

12 Disember 2022

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk Sime Darby Plantation Berhad - SOU 9 Kilang Kelapa Sawit West, Carey Island, Selangor, Malaysia**

Sime Darby Plantation Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk SOU 9 Kilang Kelapa Sawit West dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit</b>	
<b>Nama Kilang</b>	SOU 9 Kilang Kelapa Sawit West
<b>Kapasiti Kilang (ton/jam)</b>	50 MT/jam
<b>Alamat/Lokasi</b>	42960 Carey Island, Selangor, Malaysia
<b>Rujukan GPS</b>	<b>Latitude/Garis lintang</b> 002° 54' 19.66" N
	<b>Longitude/Garis bujur</b> 101° 21' 36.31" E

<b>Ladang Sawit</b>					
<b>Ladang</b>	<b>Alamat/Lokasi</b>	<b>Rujukan GPS</b>		<b>Kawasan ditanam (Ha)</b>	<b>Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)</b>
		<b>Latitude/Garis lintang</b>	<b>Longitude/Garis bujur</b>		
Ladang West MPOB Lesen No.: 522968002000	42960 Carey Island, Selangor, Malaysia	002° 53' 22.17" N	101° 21' 38.23" E	5,064.64	5,857.48
		<b>Jumlah Luas Ladang</b>		<b>5,064.64</b>	<b>5,857.48</b>

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan SOU 9 Kilang Kelapa Sawit West dan ladangnya pada 16 - 19 Januari 2023. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara talian di <https://www.mpocc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

<b>Nama</b>	<b>Peranan/ Aspek Pengliputan</b>	<b>Kelayakan dan Pengalaman</b>
Ahmad Rufi bin Abu Talib Khan	Ketua Juruaudit Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 2 tahun sebagai juruaudit MSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam industri sawit, khususnya dalam kilang sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS dan Latihan HCV-HCS.</li> </ul>
Mohd Nur Amin bin Mohd Halim	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, aspek sosial dan keajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Universiti Teknologi MARA.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 6 tahun dalam menguruskan kemampunan untuk industri kelapa sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit (IMS) ISO 9001, ISO 14001 &amp; ISO 45001, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS, SA8000, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila



Inspiring trust for a more resilient world.

lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Emel: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah**  
**Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**  
En. Azrul Wan Azizan  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Level 29, The Gardens North Tower  
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel :+603 9212 9638 samb. 1039  
Faks :+603 9212 9639  
Emel : [Azrul.WanAzizan@bsigroup.com](mailto:Azrul.WanAzizan@bsigroup.com)

**DAN / Auditee:**  
Pn. Shylaja Devi Vasudevan Nair  
Sime Darby Plantation Berhad  
Level 11, Main Block, Plantation Tower  
No. 2, Jalan PJU 1A/7  
47301 Ara Damansara  
Selangor, Malaysia  
Tel : +603 7848 4379 (Head Office)  
Faks: +603 7848 4356  
Emel : [shylaja.vasudevan@simedarbyplantation.com](mailto:shylaja.vasudevan@simedarbyplantation.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....  
Azrul Wan Azizan  
Pengarah  
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan